



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda mengambil keputusan untuk memohon pembiayaan ini. Dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini.</p>	<p>Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei</p> <p>PEMBIAYAAN PERIBADI</p> <p>Maklumat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini berkuatkuasa mulai 29/08/2022.</p>
<p>1. Apakah kemudahan Pembiayaan Peribadi ini?</p> <p>Kemudahan Pembiayaan Peribadi ini adalah pembiayaan tidak bercagar di mana pelanggan diberikan wang tunai untuk memenuhi keperluan peribadi.</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <p>Pembiayaan ini adalah berdasarkan konsep <i>Tawarruq</i>. Perbadanan TAIB akan membeli Komoditi dari pembekal melalui Bursa Suq Al-Sila' yang mempunyai nilai sebanding dengan jumlah pembiayaan yang dipohonkan dan kemudian menjual Komoditi berkenaan kepada Pelanggan.</p> <p>Setelah Pelanggan bersetuju untuk membeli Komoditi dari Perbadanan TAIB pada harga <i>Murabahah</i> (kos ditambah dengan keuntungan) dengan bayaran bertanggung, Pelanggan akan diberikan Persetujuan Kemudahan Induk (<i>Master Facility Agreement</i>) termasuk Penawaran Jualan <i>Murabahah</i> (<i>Murabahah Sale Offer</i>) bagi komoditi dan Penerimaan Jualan <i>Murabahah</i> (<i>Murabahah Sale Acceptance</i>) untuk ditandatangani.</p> <p>Pelanggan sebagai pemilik Komoditi akan diberikan dua (2) pilihan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Melantik Perbadanan TAIB sebagai wakil untuk menjual Komoditi kepada pihak ketiga bagi pihak Pelanggan, dan juga untuk memasukkan hasil jualan mengikut arahan Pelanggan, atau (b) Menerima penghantaran Komoditi secara fizikal dan menjualnya sendiri serta menanggung segala kos berkaitan seperti pengangkutan, cukai, penyimpanan dan sebagainya. <p>Sekiranya Pelanggan memilih (a), Pelanggan akan menandatangani <i>Wakalah</i> (Perjanjian Perwakilan) pada harga kos yang merupakan jumlah pembiayaan Komoditi.</p> <p>“Komoditi” merujuk kepada mana-mana komoditi patuh Syara' yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada minyak kelapa sawit atau komoditi-komoditi lain yang boleh diterima tidak termasuk barang-barang <i>Ribawi</i> di dalam kategori medium pertukaran seperti mata wang, emas dan perak, yang disediakan melalui <i>Platform</i> Perdagangan Komoditi.</p>	

3. Apakah dokumen-dokumen yang perlu ditandatangani?

Dokumen-dokumen yang perlu ditandatangani oleh Pelanggan adalah berdasarkan urutan berikut:

- (a) Persetujuan Kemudahan Induk (*Master Facility Agreement*)
- (b) Penawaran Jualan Murabahah (*Murabahah Sale Offer*)
- (c) Penerimaan Jualan Murabahah (*Murabahah Sale Acceptance*)
- (d) *Wakalah* (Perjanjian Perwakilan)

4. Berapakah kelayakan Pelanggan bagi pembiayaan ini?

Jumlah kelayakan pembiayaan dikira seperti berikut:

- Maksimum sehingga 18 kali pendapatan bulanan bersih; atau
- Maksimum Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau '*Total Debt Service Ratio*' (TDSR) 60% bagi yang mempunyai pendapatan bersih \$1,750.00 dan ke atas. Bagi yang mempunyai pendapatan bersih di bawah \$1,750.00 maksimum Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang adalah tertakluk kepada polisi Perbadanan TAIB.
- Jumlah muktamad yang berhak diterima adalah tertakluk kepada polisi Perbadanan TAIB dan juga penilaian kredit.

5. Berapakah tempoh maksimum bagi pembiayaan ini?

- Tempoh minimum pembiayaan ialah 12 bulan
- Tempoh maksimum pembiayaan ialah 72 bulan

6. Berapakah kadar keuntungan bagi pembiayaan ini?

Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini ialah 7.50% baki bulanan menurun.

7. Apakah tanggungjawab Pelanggan di bawah pembiayaan ini?

Tanggungjawab pelanggan adalah:

Jumlah yang dipohonkan (A)	
Tempoh (Bulan)	
Bayaran Bulanan	
Jumlah Bayaran pada tempoh matang	
Jumlah Keuntungan pada tempoh matang	

Fi pemprosesan dan perlindungan Takaful akan ditolak dari jumlah yang dipohonkan (A) atau dibayar menggunakan dana sendiri.

Nota:
Jumlah di atas adalah anggaran berdasarkan pengeluaran penuh pembiayaan.

<p>8. Bilakah pembayaran bulanan bermula?</p> <p>Pembayaran bulanan hendaklah dipotong daripada akaun Pelanggan di Perbadanan TAIB bermula satu (1) bulan setelah pengeluaran pembiayaan. Sebagai contoh, sekiranya pembiayaan dikeluarkan pada bulan Januari, pembayaran bulanan akan bermula pada bulan Februari.</p>
<p>9. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar di bawah pembiayaan ini?</p> <p>Fi yang perlu dibayar adalah seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Tarif dan Fi TAIB seperti yang dilampirkan.</p>
<p>10. Apakah jaminan atau cagaran yang diperlukan di bawah pembiayaan ini?</p> <p>Pelanggan dipersyaratkan untuk mengaturkan bagi pendapatan bulanan tetap dimasukkan ke Perbadanan TAIB seperti gaji ataupun pencen sebagai jaminan.</p>
<p>11. Adakah penjamin diperlukan untuk pembiayaan ini?</p> <p>Pembiayaan ini tidak memerlukan penjamin.</p>
<p>12. Adakah perlindungan Takaful diperlukan bagi pembiayaan ini?</p> <p>Perlindungan Takaful diperlukan bagi pembiayaan ini untuk melindungi Pelanggan sekiranya berlaku kematian atau kecacatan kekal.</p>
<p>13. Apakah yang terjadi sekiranya Pelanggan gagal untuk memenuhi tanggungjawab yang telah ditentukan di dalam persetujuan yang berkaitan dengan pembiayaan ini?</p> <p>Sekiranya Pelanggan gagal untuk membuat bayaran bulanan, bayaran yang tertunggak akan dapat dilihat di dalam Laporan Biro Kredit yang diselenggarakan oleh Brunei Darussalam Central Bank (“BDCB”), yang mana ia akan memberi kesan kepada penilaian ke atas permohonan pembiayaan Pelanggan di mana-mana institusi kewangan pada masa akan datang.</p> <p>Pelanggan hendaklah tetap bertanggungjawab untuk membayar Perbadanan TAIB mana-mana jumlah pembiayaan di Perbadanan TAIB yang belum dijelaskan, segala fi yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini dan sebarang kos yang berbangkit akibat tindakan undang-undang yang dikenakan kepada Pelanggan.</p> <p>Perbadanan TAIB berhak untuk menolak (<i>set-off</i>) atau memindahkan sebarang jumlah dari mana-mana akaun-akaun Pelanggan di Perbadanan TAIB sebagai bayaran terhadap bayaran bulanan yang gagal dijelaskan atau mana-mana jumlah yang tertunggak atau perlu dijelaskan di bawah pembiayaan ini.</p>

14. Bagaimanakah sekiranya Pelanggan membuat penyelesaian penuh pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pelanggan boleh memohon untuk membuat penyelesaian penuh atau melunaskan kemudahan ini sebelum tempoh pembiayaan berakhir dengan memberikan notis bertulis yang tidak boleh ditarik balik kepada Perbadanan TAIB tiga puluh (30) hari sebelum tarikh penyelesaian pembiayaan yang dicadangkan, dan berdasarkan budi bicara Perbadanan TAIB, *Ibra'* (Rebate) boleh diberikan kepada Pelanggan pada hari penyelesaian penuh. Jumlah penyelesaian adalah dikira seperti berikut:

Jumlah penyelesaian:

Harga Jualan Bertanggung yang belum dijelaskan + bayaran ansuran yang perlu dibayar – Ibra' (Rebate), jika ada.

15. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB, seperti butiran perhubungan atau alamat, majikan dan sebagainya. Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan TAIB di talian +673 2220 299 atau mengunjungi mana-mana cawangan Perbadanan TAIB untuk memaklumkan butiran yang dikemaskini, atau layari laman sesawang Perbadanan TAIB www.taib.com.bn untuk menghantar perubahan butiran secara dalam talian.

16. Apakah dokumen yang diperlukan untuk pembiayaan ini?

Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk pembiayaan ini adalah:

- Kad Pengenalan asal
- Slip Gaji asal tiga (3) bulan terkini
- Pengesahan Gaji, Pencen atau Kontrak Perkhidmatan (mana yang berkenaan).

17. Di manakah Pelanggan boleh mendapatkan bantuan ?

Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan TAIB di talian +673 2220 299.

Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, Pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB melalui e-mel di fci@bdcg.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910, Brunei Darussalam

Tel: +673 2380007



<p>18. Di manakah Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut?</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila layari www.taib.com.bn atau hubungi Pusat Panggilan TAIB di talian +673 2220 299 atau kunjungi cawangan Perbadanan TAIB yang berdekatan.</p>
<p>19. Apakah kemudahan pembiayaan serupa yang ada?</p> <p>Pembiayaan yang serupa:</p> <p>(a) Pembiayaan Semula Peribadi (b) Pembiayaan Tambahan Peribadi</p>
<p>NOTIS PENTING</p> <p>Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas pelanggan akibat kegagalan untuk membayar bayaran bulanan seperti yang ditetapkan di dalam dokumen Persetujuan Kemudahan Induk (<i>Master Facility Agreement</i>)</p>

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dokumen Persetujuan Kemudahan Induk (Master Facility Agreement) dan syarat yang muktamad adalah seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Persetujuan Kemudahan Induk (Master Facility Agreement) dan mendapat penglulusan pembiayaan Perbadanan TAIB.

Saya mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan kepada saya.
Nama: No. K/P: Tarikh:	Nama: No. K/P: Tarikh:
<p>..... (untuk dan bagi pihak TAIB)</p>	<p>..... (Pelanggan: Nama & No. K/P)</p>

PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN

JADUAL TARIF DAN FI

Pembiayaan Peribadi

Fi Pemprosesan	\$200
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Semula Peribadi

Fi Pemprosesan	\$150
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Consolidation

Fi Pemprosesan	\$150
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Pengubahsuaian Rumah

Fi Pemprosesan	\$200
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Pendidikan

Fi Pemprosesan	\$200
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Kit Pendidikan

Fi Pemprosesan	\$200
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Pembiayaan Hartanah

Fi Pemprosesan	\$350
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	4.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[2]

Pembiayaan Tambahan

Fi Pemprosesan	\$200
Fi Pembatalan	\$150
Kadar Keuntungan	7.5%
Pengesahan Baki	\$30
Surat Pelepasan	\$30
Pelunasan Awal	[1]

Nota

- [1] Sekiranya baki tempoh pembiayaan kurang separuh daripada tempoh pembiayaan asal:
1% daripada jumlah pembiayaan tertunggak ATAU maksimum \$ 250.00, mana yang lebih rendah.
- Sekiranya baki tempoh pembiayaan melebihi separuh daripada tempoh pembiayaan asal:
2% daripada jumlah pembiayaan tertunggak ATAU maksimum \$ 500.00, mana yang lebih rendah.
- [2] Keuntungan 1 bulan dan 2% dari baki tertunggak ATAU minimum \$ 1000.00, mana yang lebih tinggi.